



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Tragedi Berdarah Tanah Runtuh 2022: Peringatan Kepada Pengusaha Tapak Perkhemahan

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman¹, Musmailina Mustafa Kamal², Nor Hafizah Abd Mansor³, Norfizah Othman⁴, Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad⁵

^{1,2,3,4,5} Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Segamat, Johor Malaysia

Emel Penulis: ahmad801@uitm.edu.my

Kejadian menyayat hati pada 2 pagi, 16 Disember 2022, bakal dikenang sebagai tragedi berdarah Malaysia apabila bumi bergoncang dan meruntuhkan tanah sebanyak 16,000,000 kaki padu, menimbusi sebuah tapak perkhemahan berhampiran Genting Highlands. Tragedi tersebut memerangkap 92 orang, kebanyakannya terdiri dari pekhemah dari kalangan keluarga, guru dan murid sekolah. 31 orang telah disahkan terkorban. Kejadian ini merupakan kejadian kedua terbesar negara melibatkan jumlah mangsa maut, selepas runtuhannya Kondominium Highland Towers pada 1992 yang mengorbankan 48 nyawa. Runtuhannya tanah dari ketinggian 70 meter meliputi kawasan seluas 1.21 ekar. Usaha pencarian mangsa menjadi sukar akibat tanah berlumpur dan aliran air bawah tanah kerana hujan lebat. Aliran air ini menyebabkan kaki cerun bukit menjadi lemah dan tidak stabil.

Tapak perkhemahan tersebut diusahakan oleh sebuah ladang organik 'Father's Organic Farm', yang terletak di Batang Kali, Selangor. Ladang tersebut memiliki tiga tapak perkhemahan iaitu di puncak bukit (Zon A), kawasan ladang (Zon B) dan tepi sungai (Zon C). Sesuai dengan musim cuti sekolah serta kedudukan strategiknya yang berdekatan, iaitu 50 kilometer dari Kuala Lumpur, pusat perkhemahan tersebut menjadi lokasi rekreasi yang popular.

Amat mengejutkan laporan dari Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, bahawa Father's Organic Farm hanya mempunyai lesen bagi menjalankan pertanian organik sahaja, manakala perusahaan itu didapati beroperasi tanpa lesen sejak tahun 2020 sebagai tapak perkhemahan. Ianya menyalahi Akta 133 Akta Parit dan Bangunan kerana beroperasi tanpa lesen di kawasan berisiko tinggi. Kawasan berisiko tinggi diklasifikasikan melibatkan tempat-tempat

seperti sungai, lereng bukit atau air terjun.

Bencana ini menyebabkan penggantungan serta-merta semua aktiviti rekreasi luar dan penutupan semua tempat perkhemahan di seluruh Selangor selama seminggu. Kerja pembaikan cerun dan jalan di kawasan insiden tanah runtuh di Batang Kali dijangka mengambil masa selama setahun sebelum laluan dibuka semula untuk orang ramai.

Malaysia seperti biasa, sudah terhantuk baru tengadah. Selepas berlakunya kehilangan jiwa, barulah langkah-langkah keselamatan ingin dikuatkuasakan. Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), mencadangkan pihak berkuasa perlu melakukan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) serta kajian keselamatan tapak. Kerajaan digesa untuk memperkenalkan peruntukan khas dalam undang-undang sebagai garis panduan penganjuran aktiviti perkhemahan bagi pengusaha-pengusaha. Bancian terkini juga perlu diadakan untuk memastikan pengusaha-pengusaha tapak perkhemahan mempunyai lesen perniagaan serta mematuhi peraturan. Ianya juga dapat mengenal pasti lokasi kawasan sensitif alam sekitar dan tempat yang tidak sesuai atau berisiko bagi aktiviti rekreasi. Prosedur operasi standard (SOP) yang bersesuaian bagi pengusaha perlu diwujudkan sebagai garis panduan bagi pengendalian operasi serta langkah keselamatan. Adalah diharap agar langkah-langkah ini dapat membendung tragedi berdarah seperti ini dari berulang, memandangkan kegiatan perkhemahan dan rekreasi luar semakin mendapat minat yang tinggi selepas berakhirnya episod PKP.

RUJUKAN:

1. https://ms.wikipedia.org/wiki/Tanah_runtuh_Batang_Kali_2022
2. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-runtuh-batang-kali-kejadian-kedua-terbesar-libatkan-jumlah-mangsa-maut-398840>
3. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/wujud-permit-khas-perkhemahan-buat-kajian-eia/>
4. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/12/1042496/negeri-sembilan-cadang-sedia-sop-aktiviti-perkhemahan>
5. <https://www.facebook.com/fathersorganicfarm/>
6. <https://pmr.penerangan.gov.my/?p=19156>

